

**MAJLIS APRESIASI DAN AMANAT YAA KETUA HAKIM SYARIE JABATAN  
KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN TAHUN 2021**

TEKS UCAPAN YANG AMAT ARIF DATO' KETUA HAKIM SYARIE.

السلام عليكم رحمة الله وبركاته

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العلمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى اله وصحبه  
أجمعين

رب أشرح لي صدري ويسرلي أمري واحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

Terima kasih kepada Encik Dzu Wazir selaku pengacara majlis. Yang dihormati, Yang Arif Hakim Utama Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan, Tuan Kamal Bashah bin Dato' Ahmad Tajuddin, Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi, Puan Ruzita binti Ramli, Yang Berusaha, Tuan Mohd Ridzwan bin Ghazali, Ketua Pendaftar, Tuan Abdul Halim bin Muhammad, Pegawai Penyelidik Kanan Ketua Hakim Syarie merangkap pengarah program bersama-sama Tuan Hamizan bin Mohd Nor, tuan-tuan hakim, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah, saya mengucapkan kesyukuran kepada Allah Ta'ala kerana dipertemukan dengan tuan/ puan pada petang ini.

Yang Arif-Yang Arif, tuan-tuan hakim, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian. Petang ini sangat istimewa kerana bukan sahaja saya dapat bersama dengan hakim-hakim dan kakitangan mahkamah, tetapi saya juga dapat Bersama dengan keluarga warga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan, ahli keluarga warga jabatan kerana sudi hadir pada petang ini.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh pengacara majlis sebentar tadi, majlis pada petang ini, selain daripada ingin menyampaikan hasrat dan amanat saya secara tahunan, majlis ini juga bertujuan untuk menghargai sumbangan dan tenaga yang dicurahkan oleh tuan-tuan dan puan-puan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, yang menjadi tulang belakang dan membantu saya mencapai kecemerlangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan amat besar bagi saya selama saya menjawat jawatan sebagai Ketua Hakim Syarie yang akan cukup tempoh selama 3 tahun pada minggu hadapan.

Jika diimbis semula amanat yang telah saya sampaikan pada tahun 2018, amanat pertama adalah untuk melaksanakan tugas dengan amanah, dan betapa besarnya kepentingan untuk mematuhi arahan dalam melaksanakan tugas. Saya juga telah kongsi apa yang saya nyatakan sebagai 'A B C', yang bermaksud 'Attitude, Belief, Commitment'. Kemudian pada tahun 2019, saya kongsi 4 prinsip penting dalam bekerja yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW, dan saya juga kongsi *tagline* kerajaan negeri iaitu 'Bersih, Muafakat, Sejahtera', dan juga kegiatan *core business* jabatan kita dalam pengurusan kes selari dengan maqasid syariah. Ini memerlukan sokongan semua pihak. Seterusnya, amanat saya pada tahun 2020 pula, saya telah kongsi konsep ta'awun yang bermaksud bekerjasama. Tanpa kerjasama, jabatan ini tidak dapat diuruskan dengan baik. Pada tahun lepas juga, saya telah kongsi 10 hala tuju jabatan yang sangat penting di mana sebahagian daripadanya telah dilaksanakan, manakala sebahagian lagi masih dalam pelaksanaan, termasuklah hasrat saya dan semua untuk membina mahkamah-mahkamah syariah baru di daerah-daerah di Negeri Sembilan. Alhamdulillah, kita telah berpeluang menyaksikan projek pembinaan mahkamah syariah di daerah Jempol yang telah bermula, dan diharapkan pembangunan mahkamah syariah di daerah-daerah lain dapat dilaksanakan pada masa akan datang. Begitu juga dengan hasrat saya untuk mewujudkan satu lagi peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Utama Syariah supaya kes-kes di mahkamah tinggi juga berpeluang untuk membuat rayuan sebanyak 2 kali, kepada Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah.

Untuk makluman Yang Arif-Yang Arif, tuan-tuan dan puan-puan, kertas konsep berkaitan kewujudan Enakmen Mahkamah Syariah dan Mahkamah Utama Syariah akan dibentangkan dalam mesyuarat MAINS pada 15 April 2021. Sama-sama kita doakan agar ia dapat diterima untuk diendorse oleh MAINS. Secara dasarnya, beberapa pihak MAINS sangat mengalu-alukan cadangan ini dan beberapa orang ahli MAINS telah menyatakan persetujuan dan

menyokong hasrat ini. Itulah beberapa gambaran mengenai amanat saya mulai tahun 2018 sehingga 2020.

Pada tahun ini, oleh kerana kekangan pandemik Covid-19, majlis ini diadakan sedikit lewat, jadi ingin saya simpulkan bahawa amanat-amanat yang telah saya sampaikan mulai tahun 2018 sehingga tahun 2020 masih lagi diteruskan. Saya harap semua warga jabatan dapat berkhidmat dengan baik, beramanah, berkomitmen, berintegriti, mengamalkan konsep ta'awun dan sebagainya supaya dapat memacu jabatan kita agar dapat berkhidmat dengan lebih baik kepada masyarakat.

Pada kali ini saya hanya ingin menambah sedikit perkara sahaja. Firman Allah SWT dalam Surah Hud ayat 112:

فَأَسْتَقِيمْ كَمَا أَمَرْتِ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya: "Maka istiqamahlah kamu (Muhammad) di jalan yang benar, sebagaimana telah diperintahkan kepadamu dan juga kepada orang yang bertaubat bersamamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sungguh Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."

Ayat ini juga menjadi moto dan slogan yang digunapakai di Kolej Islam Klang, dari mula kolej itu ditubuhkan. Amat penting kita beristiqamah dalam melaksanakan tugas di mana kita perlu teguh pendirian, tenaga dan sumbangan untuk memajukan jabatan. Dalam satu hadis di mana apabila Rasulullah SAW ditanya oleh seorang sahabat bernama Abdullah As-Saqafi mengenai satu nasihat yang boleh digunapakai dalam semua perkara, lalu Rasulullah SAW bersabda:

قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ فَاسْتَقِمْ

"Katakanlah aku beriman, kemudian hendaklah kamu beristiqamah."

Ayat ini menunjukkan bahawa keimanan dan keislaman berkait rapat dengan jati diri kita sebagai pekerja, lebih-lebih lagi apabila kita bekerja di Institusi Kehakiman Syariah. Ayat ini seharusnya menjadi moto untuk kita beristiqamah dalam melaksanakan pekerjaan walaupun sebahagian unit di jabatan ini tidak mencukupi kakitangan. Contohnya, di unit pentadbiran dan

hakim-hakim di jabatan ini. Walaupun kita tidak mencukupi kakitangan, tetapi saya berharap kita masih dapat berkhidmat dengan baik.

Para ulamak telah mengupas dari hadis ini 3 perkara untuk mencapai istiqamah. Yang pertama adalah melalui niat yang ikhlas kerana Allah. Yang kedua, berpegang teguh kepada agama. Yang ketiga adalah mujahadah iaitu menanam semangat dan keazaman yang tinggi untuk terus komited. Mudah-mudahan sedikit amal dan bakti kita kepada jabatan ini diterima oleh Allah SWT sebagai salah satu amalan soleh.

Untuk tidak memanjangkan kalam, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada barisan urusetia yang diketuai oleh Tuan Abdul Halim bin Muhammad dan Tuan Hamizan bin Mohd Nor, serta tuan-tuan dan puan-puan yang bertungkus lumus menjayakan majlis pada petang ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada calon-calon penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Kepada yang tidak tercalon, saya berharap supaya anda teruskan usaha. Begitu juga dengan warga yang dinaikkan pangkat, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah. Kepada warga yang telah berpindah keluar, saya doakan anda terus bekerja dengan cemerlang di jabatan-jabatan lain.

Oleh itu, saya akhiri ucapan saya dengan

والسلام عليكم رحمة الله وبركاته